

**MAJLIS PELANCARAN LAPORAN TAHUNAN 2013 PELAN PEMBANGUNAN  
PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025**

17/06/2014

SMK PUTRAJAYA PRESINT 11 (1), PUTRAJAYA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

1. Pertama, marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama dalam Majlis Pelancaran Laporan Tahunan 2013, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Majlis ini memberi kesempatan kepada saya untuk menzahirkan penghargaan di atas kerja keras warga Kementerian Pendidikan Malaysia dan warga pendidik dalam memulakan langkah pelaksanaan PPPM. Dan pada hari ini saya berasa bangga dapat menyampaikan laporan tahunan yang pertama bagi pelaksanaan PPPM.

2. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Pengetua SMK Putrajaya Persint 11 (1) yang telah memberi ruang dan kesempatan untuk sama-sama kita berhimpun di sini bagi menyorot catatan pencapaian beberapa inisiatif PPPM yang telah kita usahakan bersama. Terima kasih jua saya ucapkan kepada YB Menteri Pendidikan II, Dato' Sri Idris Jusoh, YB Timbalan-Timbalan Menteri, Ahli Panel Dialog Nasional Pendidikan Negara, dan Panel Bebas PPPM yang turut hadir dalam majlis ringkas tetapi amat bermakna dan penting bagi kita meneruskan agenda transformasi pendidikan.

Para hadirin yang saya hormati.

3. Sebagaimana yang telah kita sedia maklum, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah dilancarkan secara rasmi pada 6 September 2013. Walaupun PPPM ini dilancarkan hampir di penghujung tahun 2013 tetapi pelaksanaan beberapa inisiatif telah dimulakan pada awal tahun 2013. Alhamdulillah, kita semua telah dapat melihat kejayaan awal bagi enam inisiatif dalam tempoh 100 hari pelaksanaan dan pada hari ini pula, saya amat berbesar hati dapat menyampaikan Laporan Tahunan 2013 PPPM untuk pertama kalinya kepada semua pihak sejajar dengan Anjakan ke-11 PPPM iaitu, meningkatkan ketelusan untuk kebertanggungjawaban awam secara langsung.

4. Syabas dan terima kasih, saya ucapkan kepada semua pihak yang telah menghasilkan laporan ini tetapi yang lebih penting dari itu ialah usaha keras dan komitmen tulus ikhlas daripada pihak pengurusan Kementerian hinggalah kepada kumpulan pelaksana iaitu para guru yang telah memberi sumbangan yang bukan sedikit, untuk memastikan PPPM ini dilaksanakan dengan jayanya.

5. Seperti yang telah dimaklumkan oleh YBhg Dato' KPPM sebentar tadi, sepanjang 2013, Kementerian telah memberi fokus kepada 25 inisiatif utama dengan tumpuan untuk memberi sokongan kepada guru serta meningkatkan kemahiran teras yang memberi impak terhadap keberhasilan murid.

6. Saya percaya sepanjang tahun 2013, Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) yang dipimpin oleh YBhg Dato' Prof. Dr Rujhan Mustafar telah memainkan peranan yang sewajarnya bagi memastikan inisiatif-inisiatif mencapai KPI yang ditetapkan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YBhg Dato' Prof. Dr Rujhan Mustafar atas sumbangan yang diberikan dan beliau kini tidak lagi bersama-sama PADU. Dan dalam kesempatan ini, saya ingin mengalu-alukan kehadiran CEO, PADU yang baru iaitu Pn Khadijah Abdullah (memperkenalkan CEO). Beliau bukanlah orang baru dalam dunia pendidikan. Pernah menjadi guru, pensyarah di maktab perguruan, dan pensyarah di university sebelum menceburi diri dalam bidang korporat. Saya berkeyakinan dengan kelayakan dan reputasi cemerlang yang dimiliki, beliau mampu memimpin PADU bagi merealisasikan PPPM ini.

Para hadirin yang saya hormati,

7. Saya berpendapat bahawa Laporan Tahunan PPPM ini merupakan satu dokumen penting yang perlu dirujuk untuk kita menambahbaik tindakan. Saya telah dimaklumkan bahawa, daripada 25 inisiatif yang dilaksanakan pada tahun 2013, ada inisiatif yang telah menunjukkan pencapaian menggalakkan. Tetapi ada juga inisiatif yang mencapai sebahagian daripada KPI dan sebilangan inisiatif lagi memerlukan tumpuan serta perhatian yang lebih khusus. Apa pun pencapaiannya, ia harus dijadikan panduan untuk Kementerian merangka strategi dan pendekatan yang lebih baik.

8. Di sini saya ingin menyatakan beberapa inisiatif yang berjaya menunjukkan pencapaian memberangsangkan. Dua inisiatif yang berkait dengan akses ialah,

- a. Enrolmen prasekolah, dan
- b. Transformasi Pendidikan Vokasional

Dua inisiatif berkaitan ekuiti iaitu,

- a. Program Transformasi Daerah, dan
- b. Program Pendidikan Inklusif

Dari aspek kualiti yang diberi penekanan dalam gelombang 1 ini, terdapat enam inisiatif yang mencapai KPI, iaitu,

- a) Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)
- b) Literasi dan Numerasi (LINUS)
- c) Profisiensi Guru Bahasa Inggeris (ProELT)

- d) Transformasi Institut Pendidikan Guru,
- e) Piagam Pemimpin Sekolah, dan
- f) Sarana Ibu Bapa

Dua inisiatif yang berkait dengan kecekapan iaitu,

- a) Transformasi Kementerian, dan
- b) Pembaikan infrastruktur asas

Manakala satu inisiatif menyentuh tentang perpaduan yang berjaya dilaksanakan pada 2013 ialah Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP).

9. Program Transformasi Daerah (DTP) sebagai contoh, adalah inisiatif yang menunjukkan pencapaian paling ketara. Program ini yang dirintis di Sabah dan Kedah, bertujuan untuk meningkatkan prestasi sekolah di samping merapatkan jurang pencapaian antara sekolah bandar dan luar bandar. Sekolah yang berprestasi rendah telah dibantu oleh SIPartner+ dan SISC+, manakala sekolah-sekolah dalam Band 3 hingga 5 diusahakan untuk mencapai prestasi yang lebih baik.

10. Pada 2013, program rintis ini memperlihatkan keberhasilan yang signifikan apabila kadar peningkatan keputusan peperiksaan kebangsaan (UPSR, PMR, SPM) di kedua-dua negeri tersebut adalah yang tertinggi berbanding semua negeri lain di Malaysia. Malah, pencapaian peperiksaan kebangsaan yang diraih ini adalah yang terbaik bagi kedua-dua negeri tersebut semenjak 10 tahun yang lalu. Jurang pencapaian antara sekolah bandar-luar bandar di Sabah dan Kedah nampaknya semakin mengecil dan jauh lebih baik daripada purata bagi seluruh negara. Sesungguhnya kejayaan ini amat membanggakan dan memberi kekuatan kepada Kementerian untuk memperluaskan lagi Program Transformasi Daerah ini ke seluruh negara mulai 2014.

11. Pencapaian pendidikan dari segi akses sejak negara merdeka pada 1957 amat menggalakkan. Ketika itu, tidak banyak kanak-kanak mendapat akses. Lebih separuh daripada populasi tidak pernah mendapat persekolahan formal, hanya 6 peratus mendapat pendidikan menengah dan 1 peratus memperoleh pendidikan lepas menengah. Kini kita telah mencapai enrolmen hampir sejagat di peringkat rendah iaitu sekitar 96 peratus.

12. Atas dasar bahawa setiap kanak-kanak warganegara Malaysia berhak mendapat kesamarataan peluang pendidikan bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing, PPPM telah melaksanakan beberapa usaha ke arah peluasan akses seperti;

- a. Peningkatan enrolmen prasekolah;
- b. Transformasi pendidikan vokasional (TPV);
- c. Penawaran pelbagai aliran pendidikan;

- d. Penerusan akses kepada pendidikan bagi kumpulan khusus; dan
- e. Transformasi Tingkatan Enam;.

13. Kementerian yakin sekiranya kadar enrolmen murid di peringkat prasekolah diberi perhatian, kita mampu mencapai 100 peratus enrolmen merentas semua peringkat sekolah menjelang 2020. Oleh itu, bagi tahun 2013 tumpuan inisiatif bagi mencapai akses ialah meningkatkan enrolmen prasekolah. Pada tahun 2013, enrolmen prasekolah yang dicapai berada pada 81.7 peratus (793 269 murid) daripada kanak-kanak berumur 4+ dan 5+ berbanding 80.5 peratus pada tahun 2012. Ini merupakan pencapaian yang menggalakkan dengan beberapa usaha Kerajaan memberi pelbagai insentif seperti membuka sebanyak 8,883 kelas prasekolah pada 2013 bagi menampung seramai 192 173 (24.2%) murid.

14. Inisiatif Transformasi Pendidikan Vokasional merupakan satu lagi usaha ke arah meningkatkan pencapaian akses seiring dengan aspirasi sistem di dalam PPPM. Pendidikan vokasional suatu ketika dulu dianggap sebagai pendidikan kelas dua dan hanya diceburi oleh murid yang tidak berminat untuk belajar dalam aliran akademik. Kini, melalui Transformasi Pendidikan Vokasional, murid yang menyertai aliran vokasional dipersiapkan dengan kelayakan dan kemahiran yang diiktiraf oleh industri supaya diterima dalam pasaran kerja serta mampu menjadi usahawan yang berdaya saing pada masa hadapan. Mereka juga dapat melanjutkan pengajian hingga ke peringkat diploma melalui pewujudan Kolej Vokasional. Perubahan dalam lanskap struktur pendidikan negara dan bidang ini menjadi pilihan utama murid serta ibu bapa sebagaimana amalan negara maju. Pada tahun 2013, peratus murid ditingkatkan kepada 20 peratus melalui kerjasama serta pelibatan pihak swasta dalam menyediakan kemudahan pendidikan tersebut.

15. Sistem pendidikan negara juga tidak mengenyepikan peningkatan kualiti pendidikan untuk murid Orang Asli. Sehingga kini, sebanyak 39,149 (0.74%) daripada murid sekolah rendah dan sekolah menengah seluruh negara merupakan murid Orang Asli. Bagi membaiki pencapaian murid Orang Asli, inisiatif PPPM 2013 menjurus ke arah meningkatkan penguasaan literasi dan numerasi; meningkatkan taraf kemudahan infrastruktur di sekolah dan asrama; meningkatkan hubungan sekolah dengan komuniti melalui Kelas Dewasa Ibu Bapa Murid Orang Asli dan Peribumi (KEDAP); dan meningkatkan kualiti serta kebajikan guru.

Para hadirin yang dihormati,

16. Gelombang 1 PPPM memberi tumpuan kepada menyokong guru dan memberi tumpuan kepada kemahiran utama kerana Kementerian memahami bahawa guru memainkan peranan yang amat penting dalam menjayakan transformasi pendidikan. Guru adalah individu yang mencorakkan murid. Jika pengajaran dan pembelajaran guru menarik dan

hebat, sudah tentu murid yang dilahirkan juga hebat lagi bijaksana.

17. Bagi mencapai hasrat ini, keutamaan Kementerian adalah meningkatkan kualiti guru bermula dengan Transformasi IPG. Pada tahun lalu, syarat pengambilan guru telah diperketatkan. Sebanyak 42 peratus pengambilan merupakan pelajar dengan sekurang-kurangnya 7A dan 70 peratus dengan sekurang-kurangnya 5A. Langkah ini merupakan petanda baik ke arah amalan sistem berprestasi tinggi seperti Finland, Singapura dan Korea Selatan yang membenarkan hanya pelajar dalam kelompok 10 peratus hingga 30 peratus teratas menyertai profesion perguruan.

18. Profesion perguruan terus diperkasakan melalui inisiatif Piagam Guru dan Pemimpin Sekolah. Pada tahun lalu inisiatif ini telah berjaya menghasilkan Instrumen Penilaian Bersepadu (Unified Instrument, UI); menghasilkan Pelan Induk Pembangunan Profesional Berterusan (PIPPB); dan memperkemas laluan kerjaya guru. Bagi Piagam Pemimpin Sekolah, syarat pemilihan pengetua dan guru besar berasaskan prestasi telah diluluskan dan dilaksanakan, untuk memastikan calon yang terbaik memimpin sekolah.

19. Satu lagi kejayaan cemerlang yang dapat dicapai dalam aspek kualiti guru ialah peningkatan penguasaan guru Bahasa Inggeris. Kejayaan ini penting dalam usaha Kementerian untuk melahirkan murid yang berkemahiran dalam sekurang-kurangnya dua bahasa. Kementerian telah menetapkan standard penguasaan bagi guru sekolah rendah dan menengah berdasarkan Common European Framework of Reference (CEFR). Buat pertama kalinya, Kementerian menjalankan ujian penguasaan Bahasa Inggeris secara besar-besaran melibatkan 61,000 guru, guru pelatih dan pensyarah. Keputusan penilaian tersebut membolehkan seramai 14,000 guru dikenal pasti untuk menjalani program peningkatan bahasa atau Professional Upskilling for English Language Teachers (Pro-ELT) dan menduduki Ujian Aptis.

20. Dalam ujian ini bagi guru-guru Kohot 1 seramai 5010 telah menunjukkan keputusan yang menggalakkan dengan pencapaian 76.4 peratus guru meningkat sekurang-kurangnya satu tahap profisiensi. Peratus guru pada tahap B1 yang telah meningkat sekurang-kurangnya satu band ialah 90.8 peratus manakala guru B2 yang meningkat sekurang-kurangnya satu band ialah 42.1 peratus. Sebanyak 10.8 peratus guru telah menunjukkan peningkatan dua tahap penguasaan.

21. Turut dipaparkan di dalam Laporan Tahunan 2013 PPPM ini ialah kejayaan inisiatif LINUS (Literasi dan Numerasi). Peningkatan penguasaan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid menjadi keutamaan segera PPPM 2013-2025. Inisiatif LINUS telah mensasarkan 100 peratus murid menguasai literasi Bahasa Malaysia dan numerasi. Pada tahun 2013, LINUS 2.0 telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan bagi murid Tahun 3, iaitu 99.1 peratus murid menguasai literasi Bahasa

Malaysia dan 99.3 peratus menguasai numerasi. Literasi Bahasa Inggeris Tahun 1 yang baharu dilaksanakan pada tahun lalu telah menunjukkan peningkatan yang ketara daripada saringan garis asas 50.1 peratus kepada 63.3 peratus dalam saringan 2.

22. Walaupun terdapat peningkatan pencapaian yang ketara bagi literasi Bahasa Inggeris, sasaran 100 peratus yang ditetapkan pada akhir Tahun 3 masih jauh untuk dicapai. Sasaran ini memerlukan kadar peningkatan lebih 18 peratus setahun dalam tempoh dua tahun akan datang. Kadar peningkatan ini jauh mengatasi kemajuan yang pernah diperolehi bagi literasi Bahasa Malaysia dan numerasi. Sasaran yang ditetapkan amat mencabar kerana terdapat sebilangan besar sekolah yang mempunyai ramai murid Tahun 1 yang tidak menguasai literasi Bahasa Inggeris

23. Di samping inisiatif, Kementerian akan terus melipatgandakan usaha meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran. KBAT merupakan elemen penting bagi melahirkan modal insan yang mampu bersaing pada abad ke 21. Bagi tahun 2013, beberapa inisiatif telah dilakukan untuk meningkatkan KBAT seperti Program i-Think di 500 buah sekolah. Sepuluh buah sekolah juga telah memasuki fasa pencalonan untuk program International Baccalaurate Middle Years.

Para hadirin sekalian,

24. Sokongan kepada guru dan meningkatkan kemahiran teras perlu diiringi dengan kecekapan kita mengurus pendidikan dan kemudahan infrastruktur yang kondusif. Pada tahun lalu, Kementerian telah memulakan usaha untuk mentransformasi Kementerian. Sebagai langkah permulaan, perwakilan kuasa ke JPN bagi kontrak perolehan, perkhidmatan dan bekalan sehingga RM 5 juta telah dilaksanakan. Profil kompetensi kepimpinan 251 jawatan utama JPN dan PPD juga telah selesai dilaksanakan. Pada tahun ini, penyusunan fungsi Bahagian-Bahagian di Kementerian sedang diusahakan dan jika mengikut perancangan keberkesanan transformasi ini akan dapat dilihat pada 2016 nanti.

25. Begitu juga dengan usaha untuk meningkatkan kualiti infrastruktur di sekolah. Kementerian telah berjaya membaiki 1,693 buah sekolah yang daif pada tahun 2013. Namun begitu, Kementerian sedar bahawa masih banyak lagi sekolah yang berkeadaan daif untuk ditingkatkan kualiti infrastruktur khususnya di negeri Sabah dan Sarawak. Kesemua perkara ini memerlukan kita melipatgandakan usaha agar suatu hari nanti sistem pendidikan negara kita adalah sebaris dengan negara-negara yang terbaik di dunia. Insyallah.

26. Dalam usaha menyediakan sistem pendidikan yang berkualiti, Kementerian terus dengan agenda memupuk perpaduan melalui interaksi murid dalam pelbagai program yang disediakan di sekolah. Satu daripadanya ialah pelaksanaan Rancangan Intergrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) dengan tumpuan kepada tiga aspek, iaitu kebudayaan dan kesenian, sukan dan permainan serta patriotism dan jati diri. Pada tahun lalu sebanyak 20

peratus sekolah rendah terlibat dengan pelaksanaan RIMUP. Inisiatif ini menasaskan sebanyak 60 peratus sekolah akan melaksanakan RIMUP pada 2014.

Para Hadirin Sekalian

27. Saya ingin mengucapkan syabas kepada semua pihak yang bertungkus lumus dalam melaksanakan inisiatif PPPM. Meskipun telah terpancar beberapa kejayaan awal PPPM dalam tempoh setahun yang lalu, kita tidak seharusnya leka atau terlalu awal untuk berpuas hati dengan kejayaan yang telah dicapai. Beberapa isu dan cabaran masih dihadapi khususnya dalam usaha merapatkan jurang pencapaian murid dan prestasi sekolah Bandar dan luar bandar.

28. Selain daripada jurang pencapaian, masih wujud jurang digital, status sosial ekonomi antara kaum dan jurang lokasi yang perlu diatasi supaya hasrat PPPM untuk memperluaskan akses, memperkukuhkan perpaduan, meningkatkan ekuiti, kualiti dan keberkesanan sistem pendidikan negara dapat dicapai.

29. Kementerian Pendidikan telah mengiktiraf pelan transformasi pendidikan negara melalui penyediaan Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Untuk melangkah ke tahun 2014, Kementerian akan meneruskan usaha bagi mencapai aspirasi sistem seperti yang telah ditetapkan dan dihasratkan dalam PPPM seperti peningkatan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan guru dan murid, sebanyak 100 peratus Pengetua dan Guru Besar yang berpotensi tinggi untuk mengisi kekosongan jawatan dengan menggunakan syarat baharu, dan 31 peratus sekolah berada dalam Band 1 dan 2.

30. Transformasi menjanjikan perubahan. Dan perubahan yang akan dilaksanakan pada 2014 adalah merentasi sistem pendidikan negara. Guru masih menjadi tumpuan utama dan peranan yang perlu dimainkan adalah menjadi pemimpin dalam bilik darjah. Pelbagai bentuk sokongan, bimbingan dan latihan disediakan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengajaran.

31. Bagi pemimpin sekolah, mereka perlu berperanan sebagai pemimpin pengajaran yang cemerlang dan meluangkan lebih banyak masa untuk melatih guru, menjadi agen perubahan di sekolah dan dalam komuniti. Manakala pegawai di JPN/PPD, mereka perlu menjadi pembimbing dan menyokong pihak sekolah. Perlu mengadakan lawatan kerja ke sekolah dengan lebih kerap dan membantu sekolah menyelesaikan masalah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

32. Saya percaya sepanjang pelaksanaan inisiatif PPPM 2013, banyak pengajaran dan pengalaman telah diperoleh dan dipelajari bagi Kementerian meningkatkan lagi usaha. Antaranya adalah :

- a. Kejayaan cemerlang beberapa sekolah dalam PISA 2012 yang setanding dengan pendidikan terbaik di dunia boleh dijadikan contoh bagi sekolah-sekolah lain untuk meningkatkan prestasi;
- b. Pencapaian cemerlang beberapa inisiatif membuktikan bahawa kejelasan matlamat yang hendak dicapai dan perancangan yang teliti merupakan faktor kritikal kejayaan; dan yang tidak kurang penting ialah,
- c. Pelibatan pihak berkepentingan. Sokongan dan kerjasama daripada pihak berkepentingan khususnya para ibu bapa amat-amat ditagih. Saya rasa amat bangga apabila dimaklumkan telah ada sekumpulan jurulatih dari kalangan ibu bapa yang secara ikhlas membantu Kementerian menarik sokongan ibu bapa untuk sama-sama memastikan kejayaan PPPM. Sebahagian daripada mereka turut hadir hari ini - ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada mereka.

33. Kajian telah menunjukkan kira-kira 80 peratus transformasi berskala besar gagal mencapai hasil yang diharapkan. Kajian juga menunjukkan bahawa organisasi yang menggunakan agenda perubahan peribadi adalah empat (4) kali kemungkinan untuk berjaya dalam proses transformasi. Ini bermakna transformasi pendidikan yang sedang diusahakan perlu melibatkan perubahan amalan dan keupayaan mengurus perubahan. Matlamat PPPM seharusnya disampaikan dan dipahat sedalamnya dalam setiap sanubari warga pendidik agar kita semua senada dalam melaksanakan transformasi pendidikan. Oleh itu, saya menyeru kepada semua barisan pemimpin baik di peringkat Kementerian, JPN, PPD dan sekolah serta semua pihak berkepentingan agar menjadikan PPPM sebagai keutamaan, satu agenda dan satu impian. Insyallah suatu hari nanti kita mencapai kejayaan yang kita impikan.

Sekian, assalamualaikum w.b.t.